

KEPUTUSAN

- Sebaik sahaja tempoh merunding jiran tamat, permohonan akan terus dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa OSC, Majlis Bandaraya Ipoh.
- Keputusan permohonan akan dihantar kepada pemohon dalam tempoh selepas tarikh mesyuarat tersebut.
- Sekiranya permohonan lulus, Kebenaran Merancang akan diberikan kepada pemohon di mana tempoh luput bagi sesuatu permohonan Kebenaran Merancang adalah dua belas bulan selepas tarikh ianya diberikan berdasarkan Seksyen (24) Akta 172.
- Permohonan perlanjutan kebenaran merancang perlu diperbaharui setiap tahun.

RAYUAN

Sekiranya permohonan ditolak, pemohon boleh mengemukakan rayuan keputusan kepada Lembaga Rayuan Negeri Perak dalam tempoh *satu bulan* dari tarikh keputusan itu disampaikan.

Alamat:

Pendaftar
Lembaga Rayuan Negeri Perak
d/a Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Perak
Bangunan Sri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH

Permohonan berkaitan hendaklah dikemukakan kepada:-

Unit Kaunter Setempat (OSC)
Ruang Legar
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Untuk keterangan lanjut,
sila hubungi
Tel : 05 - 208 3380


HOTLINE MBI

05-255 1515

* Pindaan dan perubahan apa-apa perkara di atas adalah tertakluk kepada kelulusan semasa oleh Majlis

REKABENTUK : MAJLIS BANDARAYA IPOH
HAKCIPTA TERPELIHARA

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PUSAT JAGAAN



IPOH BERSIH, HIJAU DAN MEMBANGUN

MUKADIMAH

Kelulusan perancangan atau yang dipanggil Kebenaran Merancang adalah perkara utama yang perlu didapati untuk sesuatu pemajuan.

Bagi menjalankan aktiviti Pusat Jagaan, pemohon perlu mendapatkan Kebenaran Merancang terlebih dahulu sebelum mendapatkan kelulusan-kelulusan lain seperti Bomba, Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat.

Pusat Jagaan termasuklah:

- Rumah Orang Tua
- Pusat Jagaan Kanak-kanak Cacat
- Pusat Jagaan Pesaki Jiwa

SENARAI KEPERLUAN

- Surat Permohonan/ "Cover Letter"
- Borang Kebenaran Merancang (Borang A)
- Pelan Tapak
- Pelan Ruang Lantai
- Fee Permohonan
- Bayaran Cukai Taksir Terkini

FEE PERMOHONAN

Merujuk kepada Kaedah-Kaedah Pengawasan Perancangan-perancangan (Am) Negeri Perak 1991, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, setiap permohonan yang melibatkan pertukaran aktiviti tanah atau bangunan kepada aktiviti PUSAT JAGAAN dikenakan bayaran proses sebanyak RM250.

Kebenaran Merancang perlu diperbaharui setiap tahun dan dikenakan bayaran RM50.00.

JENIS PREMIS

Jenis Premis yang boleh dipertimbangkan di kawasan perumahan untuk aktiviti Pusat Jagaan adalah seperti berikut:

- Rumah Sesebuah/Banglo
- Rumah Bekembar yang disatukan
- Institusi

Kelulusan lot hendaklah sekurang-kurangnya 10,000 kaki persegi

Jarak permis yang menjalankan aktiviti yang sama hendaklah tidak kurang dari 200 meter dari jalan yang sama.



KAWASAN TIDAK DIBENARKAN

Terdapat kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan Pusat Jagaan untuk beroperasi iaitu:

- Rumah Teres
- Rumah Sesebuah yang kurang 10,000 kaki persegi keluasanya.

TEMPOH PROSES

Sekiranya premis yang dipohon boleh dipertimbangkan untuk kelulusan Kebenaran Merancang tempoh keputusan ialah tidak melebihi 3 bulan.

PROSEDUR

- Permohonan adalah melalui OSC
- Setelah setiap permohonan yang sempurna diterima, bil proses akan dikeluarkan
- Laporan tapak akan dibuat oleh Juruteknik Perancang Bandar.
- Pihak Pentadbiran akan membuat proses menunding jiran-jiran bersempadan (jika kawasan tersebut tiada Rancangan Tempatan).
- Majlis akan mendengar bantahan, jika ada, dalam masa 30 hari.

